# Pendekar muda pimpin Seni Sendeng Putera Pegawai



BATU PAHAT, Jumaat. — Seramai 890 orang ahli silat daerah ini telah menjadi angguta Majlis Kebudayaan Batu Pahat sejak badan itu tertubuh dua tahun lalu.

Demikian diberitahu oleh Ketua Seksi Silat dan Pencak MKBP Penghulu Taib bin Mohd Nor kepada Berita Harian di sini hari ini.

Pasukan yang paling muda setakat ini ialah "Seni Sendeng Putera Pegawai" yang mengandungi 40 orang angguta termasuk beberapa orang pegawai Polis di sini, katanya.

Seni Sendeng Putera Pegawai diketuai oleh Encik Hasbullah bin Hassan 33 tahun dan dipimpin oleh seorang pendekar muda Encik Jamal bin Baba dari peserai.

"Dengan penubuhan seni silat sendeng itu maka semua kesenian silat telah dapat disatukan" kata beliau.

Setakat ini Majlis Kebudayaan telah mempunyai angguta-angguta yang mahir dalam seni silat Jawa, seni silat sendeng dan seni silat gayongnya sendiri.

"A n g g u t a-angguta kesenian silat ini bukan sahaja terdiri dari kaum pemuda tetapi ramai pula dianggutai oleh kaum wanita dan gadis-gadis belasan tahun" tambah Penghulu Taib.

Dalam gambar atas kelihatan sebahagian daripada angguta Seni Silat Sendeng Putera bersama-sama dengan Sheikh Haron bin Abdul Raof Naib Yang Dipertua Majlis Kebudayaan Batu Pahat (duduk ditengah-tengah), Encik Hasbullah Hassan (duduk nombor 2 dari kanan) dan Encik Jamal Baba kanan beliau., — Gambar oleh Jailani Awang.